

27/03/2001

Perpecahan musnah Islam: Agong

KUALA LUMPUR, Isnin - Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, hari ini bertitah bahawa perbezaan pendapat jangan menjadi penghalang untuk mencapai matlamat pembangunan dan kemajuan.

Malah, titah Seri Paduka, sebarang bibit-bibit yang boleh menjurus kepada perpecahan juga perlu dihindar kerana perpecahan akan memusnahkan umat Islam pada suatu masa nanti.

Titah baginda, kemusnahan dan kehancuran umat adalah suatu mimpi ngeri yang amat membimbangkan dan umat Islam tidak boleh mengizinkan kebimbangan itu menjadi kenyataan.

"Satu daripada prasyarat untuk maju dan membangun ialah perpaduan. Sebab itu dalam Islam, aspek perpaduan sangat dititikberatkan. Dalam kita mengurus kehidupan ini, perbezaan pendapat janganlah menjadi penghalang untuk mencapai matlamat pembangunan.

"Sebaliknya, jadikanlah ia sebagai wadah untuk mencapai matlamat itu dengan cara terbaik. Kita amat tidak rela jika perbezaan pendapat, pemikiran dan perkara lain yang bersifat rantingan perlu diberi penekanan sehingga boleh menyebabkan matlamat perpaduan tidak tercapai.

"Jika keadaan ini berlaku, maka umat Islam sendiri akan rugi, akan jadi lemah berpanjangan dan tidak mampu bangkit menguasai kemajuan dalam pelbagai bidang yang penting untuk kesejahteraan umat Islam," titah Seri Paduka ketika melancarkan sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1422 Hijrah/2001 di Stadium Putra, Bukit Jalil, di sini.

Pada majlis itu, Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Datuk Dr Ismail Ibrahim, yang juga Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan diumumkan Tokoh Maal Hijrah tahun ini.

Hadir sama Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, serta isteri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan.

Seri Paduka bertitah, untuk mencapai matlamat pembangunan ummah, aspek perpaduan hendaklah dijaga.

"Jika kita mahukan negara kita ini aman dan maju, kita mahukan umat Islam mempunyai kekuatan dan mencapai kejayaan dan kita mahukan kehidupan umat Islam di bumi bertuah ini bahagia serta sejahtera, usaha ke arah perpaduan hendaklah ditangani sebaik-baiknya.

"Semua pihak mesti bersatu menggembelng tenaga, berkongsi buah fikiran secara harmoni dan bijaksana dan bersama-sama sebagai dalam satu bahtera melaksanakan kerja dan tindakan bagi memastikan matlamat perpaduan serta pembangunan dapat dicapai," titah baginda.

Titah Seri Paduka, kerajaan sentiasa memastikan tanggungjawabnya membawa kemajuan dan pembangunan dilaksanakan dengan baik.

"Namun demikian, beta percaya perjalanan kita untuk terus melangkah maju masih jauh dan berliku. Kita harus sentiasa bergerak pantas ke hadapan. Jika tidak, kita akan terus ketinggalan," titah Seri Paduka.

Baginda mengajak umat Islam di negara ini supaya membabitkan diri dalam semua program pembangunan yang dirancang kerajaan.

Seri Paduka bertitah, pembabitan mereka penting demi faedah agama dan umat Islam sendiri kerana usaha mencari kemajuan dan pembangunan hidup adalah satu tuntutan Islam.

Seri Paduka turut bertitah umat Islam perlu menghadapi kehidupan dunia dan akhirat dengan perencanaan yang betul, termasuk dengan membuat persediaan rapi dan melengkapkan diri dengan kekuatan tertentu.

"Umat Islam juga mestilah melaksanakan tugas dan amanah yang dipikul itu dengan bijaksana, ikhlas dan penuh rasa tanggungjawab. Kelalaian daripada memenuhi keperluan dan tanggungjawab itu mungkin akan menyebabkan pelbagai kepincangan sehingga menjadi masalah yang sukar diatasi, malah kadang-kadang musibahnya merebak luas menjadi bencana ke seluruh alam serta mencemar kesejahteraan hidup manusia itu sendiri," titah baginda.

(END)